

No. Pekerja:



SURAT AKU JANJI

Saya,.....No.Kad Pengenalan.....
beralamat di.....
dengan sesungguhnya dan sebenarnya berjanji bahawa saya akan mematuhi Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] dan apa-apa arahan yang dikeluarkan dan dikuatkuasakan oleh UiTM dari semasa ke semasa sepanjang perkhidmatan saya dengan UiTM. Maka dengan ini saya berjanji, sebagaimana yang dikehendaki di bawah Peraturan 3, Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun yang terkandung dalam Jadual Kedua kepada Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605], bahawa saya antara lain:

- i) akan sentiasa taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong, negara, Kerajaan dan UiTM;
- ii) akan sentiasa melaksanakan tugas dengan cermat, bersungguh-sungguh, cekap, jujur, amanah dan bertanggungjawab;
- iii) tidak akan membelakangkan kewajipan saya kepada UiTM demi kepentingan peribadi saya;
- iv) tidak akan berkelakuan dengan cara yang mungkin boleh menyebabkan kepentingan peribadi bercanggah dengan kewajipan saya kepada UiTM;
- v) tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh menimbulkan syak yang munasabah bahawa saya telah membiarkan kepentingan peribadi saya bercanggah dengan kewajipan kepada UiTM sehingga menjejaskan kegunaan saya sebagai seorang pegawai UiTM;
- vi) tidak akan menggunakan kedudukan saya sebagai seorang pegawai UiTM bagi faedah diri saya sendiri;
- vii) tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh memburukkan atau mencemarkan nama UiTM;
- viii) tidak akan membawa sebarang bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan tuntutan saya atau pegawai lain berhubung dengan atau terhadap UiTM; dan
- ix) tidak akan ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan sebagai ingkar perintah.

Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya disabitkan kerana telah melanggar Aku Janji ini, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605].

.....
(Tandatangan Pegawai)

.....
(Jawatan Pegawai)

.....
(Tarikh)

Di hadapan saya,

.....
(Tandatangan Ketua Jabatan)
b/p Naib Canselor

.....
(Nama dan Cap Rasmi Jabatan)

.....
(Tarikh)

.....
(No. Kad Pengenalan Ketua Jabatan)